

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

**YKT 211 - Teori dan Penyelidikan Komunikasi II**

Masa: 3 jam

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan EMPAT soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

*Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.*

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Tulis nota ringkas mengenai semua konsep di bawah:
  - a. Ukuran ordinal dan ukuran nisbah
  - b. Kebolehharapan dan kesahihan
  - c. Ralat persampelan
  - d. Skala pembezaan semantik
  - e. Analisis wacana

(100 markah)
  
2. Kajian etnografi dan kajian naturalistik sering melibatkan teknik pengamatan peserta (*participant observation*).
  - a. Apakah yang anda faham dengan kajian etnografi. Bezakan kajian etnografi dan kajian naturalistik.
  - b. Bincangkan empat peranan penyelidik berkaitan dengan teknik pengamatan peserta.
  - c. Huraikan dua teknik persampelan yang sering digunakan dalam penyelidikan naturalistik.

(100 markah)

..2/-

3. Anda berminat untuk membandingkan bagaimana stesen televisyen kerajaan (RTM) dan stesen-stesen televisyen swasta di Malaysia melaporkan *isu kontroversi*.

- a. Pilih satu *isu kontroversi* yang anda ketahui dan rangka satu persoalan kajian dengan jelas.
- b. Berdasarkan persoalan kajian yang dibentuk, tulis satu hipotesis penyelidikan. Berikan definisi operasional kepada pembolehubah-pembolehubah yang terdapat di dalam hipotesis tersebut.
- c. Kenalpasti kaedah pengutipan data yang akan anda gunakan dan nyatakan bagaimana pemilihan sampel kajian dilakukan.
- d. Apakah teori atau perspektif teoretis yang anda fikirkan sesuai untuk mendekati persoalan tersebut. Huraikan secara ringkas teori atau perspektif teoritis tersebut.

(100 markah)

4. Penyelidikan komunikasi sering melibatkan manusia sebagai objek kajian. Huraikan prinsip-prinsip etika penyelidikan yang harus diambilkira dalam aktiviti penyelidikan yang melibatkan manusia.

(100 markah)

-oooOooo-